

<p style="text-align: justify;">November 12, 2021 @
7:00am
<span style="font-size: 10pt; font-family: arial, helvetica,
sans-serif;">Kuala Lumpur: Sebanyak 8,162 kes penipuan e-dagang dengan kerugian
berjumlah RM57.73 juta dilaporkan di seluruh negara sepanjang tahun ini hingga 31 Oktober
lalu.</p> <p style="text-align: justify;"><span style="font-size: 10pt; font-family: arial,
helvetica, sans-serif;">Pegawai Penyiasat (Pelaburan Bersindiket atau Lain-lain Jenayah)
Jabatan Siasatan Jenayah dan Komersial (JSJK) Bukit Aman Asisten Komisioner Mohd
Sa'adon Sabirin berkata, trend penipuan e-dagang dilaporkan terus meningkat jika
dibandingkan pada 2018 dengan 3,318 kes membabitkan kerugian berjumlah RM22.39
juta.</p> <p style="text-align: justify;"><span style="font-size: 10pt; font-family: arial,
helvetica, sans-serif;">"Keadaan bertambah teruk pada 2020 apabila pandemik Covid-19
melanda yang mana 5,848 kes penipuan e-dagang dilaporkan apabila lebih ramai orang
membeli dalam talian.</p> <p style="text-align: justify;"><span style="font-size: 10pt;
font-family: arial, helvetica, sans-serif;">"Statistik ini adalah melibatkan mereka yang ditipu dan
membuat laporan namun saya percaya masih ada tidak membuat laporan polis," katanya pada
sesi webinar Penipuan e-dagang: Barang Hilang, Duit Melayang anjuran Bank Negara Malaysia
(BNM), malam kelmarin.</p> <p style="text-align: justify;"><span style="font-size: 10pt;
font-family: arial, helvetica, sans-serif;">Mohd Sa'adon berkata, jumlah keseluruhan kerugian
dicatatkan bagi penipuan e-dagang untuk tempoh 2018 hingga Oktober lalu adalah bernilai
RM149 juta.</p> <p style="text-align: justify;"><span style="font-size: 10pt; font-family:
arial, helvetica, sans-serif;">Beliau berkata, rakyat Malaysia terdedah kepada penipuan
e-dagang berikutan peningkatan trend pembelian dalam talian secara tidak langsung boleh
menjadi mangsa penipuan jika tidak berhati-hati ketika membuat urusan jual beli.</p>
<p style="text-align: justify;"><span style="font-size: 10pt; font-family: arial, helvetica,
sans-serif;">Pada masa sama, beliau meminta agar mangsa penipuan e-dagang untuk
membuat laporan polis bagi membolehkan maklumat dan data berkaitan scammer dikumpul
untuk tindakan selanjutnya.</p> <p style="text-align: justify;"><span style="font-size:
10pt; font-family: arial, helvetica, sans-serif;">Katanya, maklumat antaranya nombor telefon dan
akaun bank yang diterima daripada laporan mangsa penipuan akan dikemaskini dalam aplikasi
Semak Mule bagi membolehkan orang ramai menyemak maklumat penjual sebelum membuat
sesuatu urusan niaga.</p> <p style="text-align: justify;"><span style="font-size: 10pt;
font-family: arial, helvetica, sans-serif;">Sementara itu, Pengarah Suruhanjaya Syarikat
Malaysia (SSM) Pulau Pinang Sazuree Shuib menasihatkan peniaga e-dagang agar
mendaftarkan perniagaan mereka di bawah SSM BizTrust iaitu platform dibangunkan untuk
melindungi pengguna dan mengekang aktiviti penipuan oleh peniaga yang menawarkan produk
atau perkhidmatan secara dalam talian.</p> <p style="text-align: justify;"><span
style="font-size: 10pt; font-family: arial, helvetica, sans-serif;">Menurutnya, sehingga 31
Oktober lalu, sebanyak 625,000 perniagaan didaftarkan di bawah SSM BizTrust, namun hanya
43,000 perniagaan masih aktif.</p> <p style="text-align: justify;"><span
style="font-size: 10pt; font-family: arial, helvetica, sans-serif;">"SSM masih memberi promosi
percuma untuk pendaftaran BizTrust sehingga 31 Disember ini bagi peniaga yang menjalankan
perniagaan dalam talian.</p> <p style="text-align: justify;"><span style="font-size:
10pt; font-family: arial, helvetica, sans-serif;">"Jadi, pembeli boleh menyemak, yang mana SSM

BizTrust berfungsi sebagai simbol bahawa perniagaan anda memenuhi dasar ditetapkan," katanya.

◆

Sumber: <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/11/776478/scammer-online-menjadi-jadi>